

22/10/2002

Yakinlah karisma PM tangani isu bahasa Inggeris

Sarjana Pragmatik

PENGAJARAN mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris akan dimulakan pada tahun depan. Perkara ini menjadi isu sejak mula dicadangkan hingga sekarang.

Pelbagai cadangan, pendapat dan kritikan dikemukakan sebelum ia dilaksanakan tahun depan.

Pada peringkat awal, ramai yang menentang dengan pelbagai alasan, termasuk yang dilihat berbau perkauman dan kepentingan politik.

Bagaimanapun, isu itu semakin reda apabila ramai pihak mula memberi sokongan terhadap cadangan dan pelaksanaan perkara itu.

Tetapi dalam tempoh tidak sampai beberapa bulan lagi bagi pelaksanaan dasar itu, MCA, sebuah parti komponen dalam Barisan Nasional, menolak cadangan kerajaan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Dalam ruangan terhad ini, saya ingin berkongsi pandangan mengenai dasar itu yang difikirkan rumit dan mengambil sedikit masa untuk melaksanakan seperti kata peribahasa menarik rambut dalam tepung, tepung tak berselerak dan rambut tak putus.

Bahasa merentas sempadan geografi, iklim, etnik dan kepercayaan. Sarjana bahasa memberi pelbagai tafsiran mengenai bahasa. Bahasa adalah satu sistem lambang arbitrari yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan fikiran dan perasaan ketika berhubung dan alat sekelompok sosial untuk bekerjasama.

Bahasa Inggeris mengambil fungsi alat globalisasi dan sejagat, manakala bahasa Mandarin dan Tamil alat sekelompok sosial. Bahasa Arab pula adalah bahasa ilmu al-Quran yakni bahasa umat Islam yang berkait dengan kepercayaan dan pegangan, bukan semata-mata budaya dan adat resam sesuatu rumpun.

Berpegang pada falsafah, bahasa menggerakkan tenaga manusia iaitu tenaga fikiran dan fizikal yang mencetuskan revolusi mental untuk komunikasi dan interaksi. Bahasa boleh merubah 'interpersonal' dalam kehidupan.

Justeru, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pengantar dalam pendidikan negara mencapai objektif sebagai bahasa estetik dan perpaduan.

Bahasa Inggeris mampu sebagai bahasa maklumat yang menjadi daya saing peringkat global.

Penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains sebagai bahasa maklumat untuk prakompetitif peringkat global. Namun, mungkinkah ada alternatif? Umpamanya mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris atau kelas aliran Inggeris berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran utama.

Relevan juga menambah waktu pembelajaran dan kaedah pengajaran kemahiran bernilai tambah 'variasi' dan bukannya 'graviti'.

Perkara yang tidak dinafikan jika bahasa Inggeris dijadikan syarat lulus untuk mendapat sijil utama atau pekerjaan dan skim galakkan kecemerlangan bahasa Inggeris seperti biasiswa dilihat potensi menarik pelajar kompetitif dalam pendidikan global.

Dalam hal ini, ahli linguistik dan cendekiawan Melayu, khususnya di pusat pendidikan tinggi awam dan pejuang bahasa wajar menaruh kebimbangan terhadap bahasa Melayu yang bersifat dinamik iaitu berkembang, berubah dan maju selaras dengan teknologi dan tamadun bangsanya.

Malah, ada suara tidak senang di pusat pendidikan tinggi yang menegaskan secara peribadi bahawa dasar bahasa yang akan diperkenalkan menjejaskan

`mood' mereka memartabatkan linguistik Melayu.

Sehubungan itu, `marahkan nyamuk bakar kelambu' menjejaskan pembinaan bangsanya.

Pihak terbabit perlu menaruh keyakinan terhadap karisma dan kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Kabinetnya dalam menangani isu penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains secara berhemah dan optimum.

Meskipun Dong Jiao Zhong dan MCA serta beberapa persatuan lain mewakili masyarakat Cina memperlihatkan tentangan terhadap pelaksanaannya kononnya akan menghakis identiti bangsa Cina, namun kerajaan tidak tunduk pada desakan mana-mana pihak. Ini kerana kaum lain juga akan bangkit menyatakan bahasa lambang bangsa dan status Bumiputera tidak terpinggir.

Justeru, pendidikan global menuntut pengorbanan semua pihak untuk merumus dasar itu yang memberi manfaat kepada bangsa dan negara.

SARJANA PRAGMATIK,
Kelantan.